



JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Yusof, M. P., Omar, Z., & Abu Bakar, M. Z. (2025). Mengenalpasti isu-isu dalam usaha mentransformasi sektor pertanian di Negeri Terengganu. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 28(1), 77-88. <https://doi.org/10.32890/jps2025.28.1.6>

MENGENALPASTI ISU-ISU DALAM USAHA MENTRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN DI NEGERI TERENGGANU

*(Identifying Issues in the Efforts to Transform the Agricultural Sector
in Terengganu State)*

Muhammad Pehimi Yusof, ¹Zainudin Omar & Md Zawawi Abu Bakar

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: umarzain@yahoo.com

Received: 08/07/2025

Revised: 30/07/2025

Accepted: 31/07/2025

Published: 31/07/2025

ABSTRAK

Dasar Agro makanan Negara 2021-2030 telah dilaksanakan oleh kerajaan dan agensi-agensi pertanian dalam memastikan sektor ini dapat memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi. Melalui Jabatan Pertanian, wujud program-program dan bantuan sokongan untuk para petani mendapatkan maklumat bagi meluaskan dan mengembangkan hasil pertanian mereka. Walaubagaimana pun, setiap usaha yang dilakukan oleh pelbagai agensi berdepan dengan isu yang membabitkan kelemahan peranan kedua belah pihak, iaitu petani dan agensi pertanian yang terlibat. Kajian ini memfokuskan kepada aspek keberkesanan dan isu yang dihadapi agensi dalam sektor pertanian, khususnya di negeri Terengganu. Ianya memfokuskan kepada enam dimensi yang dikemukakan Boettiger et. al (2017) iaitu i) strategi dan komunikasi, ii) pemasaran, iii) agen perubahan, iv) penentuan skala, v) perubahan mindset, dan vi) polisi yang fleksibel. Kajian dilakukan melibatkan seramai 18 orang responden dari lapan buah daerah yang dipilih dari agensi, petani atau peladang dan dua orang dipilih mewakili kerajaan. Dapatan kajian memberikan gambaran tentang kepentingan meningkatkan strategi komunikasi dua hala, meningkatkan strategi pemasaran dan juga pengukuhan agensi sebagai agen perubahan.

Kata kunci: Agensi pertanian, transformasi, enam dimensi, metodologi, kualitatif.

ABSTRACT

The National Agro-Food Policy 2021–2030 has been implemented by the government and agricultural agencies to drive economic growth, improve public well-being, and prioritize food and nutritional security. Through the Department of Agriculture, various programs and support mechanisms have been introduced to provide farmers with access to information aimed at expanding and enhancing their agricultural outputs. However, efforts by these agencies continue to face challenges stemming from weaknesses on both sides—namely, the farmers and the agricultural agencies involved. This study focuses on the effectiveness and challenges faced by agricultural agencies, particularly in the state of Terengganu. It emphasizes six dimensions proposed by Boettiger et. al (2017): (i) strategy and communication, (ii) marketing, (iii) change agents, (iv) scale determination, (v) mindset change, and (vi) flexible policies. A total of 18 respondents from eight selected districts were involved in this study, comprising representatives from agencies, farmers or cultivators, and two individuals representing the government. The findings of the study provide insights into the importance of enhancing two-way communication strategies, improving marketing strategies, and strengthening the role of agencies as agents of change.

Keywords: *Agricultural agencies, transformation, six dimensions, methodology, qualitative.*

PENGENALAN

Sektor pertanian merupakan komponen asas yang menyumbang kepada ekonomi negara. Sektor ini juga memberi impak terhadap pelbagai lapisan sosial dalam negara. Dalam usaha memajukan sektor pertanian, ianya perlu melibatkan pelbagai pihak untuk mengembleng tenaga dalam memastikan sektor pertanian dapat mencapai matlamat negara. Oleh yang demikian, pihak-pihak yang terlibat seperti pihak kerajaan melalui agensi persekutuan dan agensi di peringkat negeri perlu memastikan proses ini berjalan dengan lancar bagi membantu mentransformasikan sektor pertanian di negara ini. Pelbagai bentuk transformasi telah dirancang dan dilaksanakan dengan matlamat memastikan sektor pertanian negara berada pada satu tahap yang moden dan mampu menyumbang secara signifikan kepada negara. Menurut portal rasmi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (2025), dasar yang diperkenalkan kementerian iaitu dasar Agromakanan Negara 2021-2030 memberi penekanan terhadap dua komponen utama iaitu i) sekuriti makanan dan ii) pertumbuhan ekonomi dalam sektor agro makanan. Sekuriti makanan merujuk kepada jaminan ketersediaan dan akses kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat bagi seluruh populasi pada setiap masa sejajar dengan keperluan untuk memastikan kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Sementara aspek pertumbuhan ekonomi memberi tumpuan kepada peningkatan sumbangan sektor agro makanan terhadap negara serta usaha untuk mempertingkatkan pendapatan para pengeluar makanan seperti petani, penternak dan nelayan. Pendekatan ini bertujuan untuk memperkukuhkan daya saing sektor pertanian serta menjamin kelestarian sumber dan taraf hidup rakyat.

Kajian telah dilakukan untuk mengenalpasti isu-isu dalam usaha mentransformasi peranan agensi-agensi yang terlibat dalam industri pertanian. Buat masa ini, sektor pertanian dianggap masih jauh daripada objektif memenuhi keperluan pemakanan negara. Antara agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam memajukan sektor pertanian yang membantu adalah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), yang berperanan membantu petani memasarkan hasil tani mereka. (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2025; Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. (2019). Di bawah agensi tersebut, diwujudkan program pertanian kontrak anjuran FAMA yang

dijadikan strategi berimpak tinggi dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3, 1998-2010), yang membantu komersialkan hasil pertanian petani berskala kecil (Amriah Buang & Ratnawati Yuni Suryandari, 2011). Ini menunjukkan keseriusan pihak dari agensi dan badan kerajaan dalam membantu mencapai transformasi sektor pertanian hingga ke hari ini. Selain itu, terdapat juga agensi lain seperti jabatan pertanian negeri dan lembaga pertubuhan peladang.

ISU-ISU DALAM TRANSFORMASI PERTANIAN

Kertas kerja ini membincangkan usaha meningkatkan keberkesanan peranan agensi pertanian di negeri Terengganu. Ianya melibatkan peranan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan mutu pertanian di daerah-daerah Terengganu dipertingkatkan. Kajian yang dilakukan oleh Mini Walek (2017) mengenalpasti bahawa transformasi sektor pertanian di negeri Terengganu masih rendah dan boleh dipertimbangkan dari segi peningkatan produktiviti atau hasil pertanian. Terdapat beberapa isu yang diketengahkan dalam kajian beliau, iaitu melibatkan tadbir urus dalam agensi kerajaan terlibat terutama bagi memastikan sektor pertanian dapat mencapai tahap produktiviti yang optimum.

Sektor pertanian merupakan antara penyumbang ekonomi terpenting negara. Sektor pertanian telah mencatatkan perkembangan pada setiap tahun hasil dari penggunaan teknologi terkini dalam bidang itu, khasnya dengan terciptanya pertanian pintar. Konsep pertanian pintar merupakan satu konsep yang menggunakan teknologi dengan meluas. Antaranya seperti penggunaan Internet Kebendaan (IoT), penglihatan computer dan kecerdasan buatan (AI) ke dalam pertanian. Robot dan dron digunakan bagi mempercepatkan automasi ladang dengan menggantikan operasi ladang manual seperti memetik buah dan menyembur air ke tanaman.

Namun demikian, sektor pertanian di negara ini masih tidak mencapai produktiviti yang optimum. Data Jabatan Perangkaan pada 2021 menunjukkan sumbangan sektor pertanian Malaysia dalam KDNK negara telah menunjukkan arah aliran menurun daripada 22.9% pada tahun 1980 kepada 7.4% pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan, 2021). Namun, peratusan ini meningkat kepada 8.7% (atau dalam angka kewangan sebanyak RM1,510.9 juta) pada tahun 2022. Kenaikan ini adalah disumbangkan oleh komoditi sawit yang mencatatkan pertumbuhan positif 3.8% (2021: -5.6%). Kelapa sawit merupakan penyumbang utama kepada nilai tambah sektor pertanian dengan RM36.1 bilion (36.5%). Ini diikuti oleh pertanian lain (28.1 bilion; 28.3%) dan ternakan (RM16.5 bilion; 16.7%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025, Jabatan Pertanian, 2009). Ianya juga masih disifatkan sebagai satu sektor yang kurang produktif dari segi angka sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Begitu juga dari segi jumlah pendapatan eksport negara juga tidak begitu besar serta sumbangan kepada jumlah pekerjaan angkanya menunjukkan agak rendah (ERA Consumer Malaysia, 2025). Ini menunjukkan bahawa, terdapat kelemahan dalam beberapa aspek tertentu dalam memastikan sektor pertanian berkembang.

Justeru, Mini Walek (2017) telah mengenalpasti beberapa kelemahan dalam kajian yang dilakukannya dalam memastikan sektor ini berkembang. Antaranya adalah ketidakberkesanan sistem sedia ada, kekangan dalam pelaksanaan oleh agensi berkaitan dan tahap penerimaan petani terhadap perubahan. Kajian beliau turut memberi penekanan kepada aspek kelemahan dalam urusan pentadbiran dalam agensi pertanian negeri Terengganu. Selain menghadapi masalah dari segi pengeluaran, sektor pertanian juga dihalang dengan isu dan cabaran dari segi perubahan selera dan gelagat pemakanan pengguna, isu-isu penerokaan tanah, pencemaran alam sekitar dan kepupusan haiwan yang dilindungi, perubahan struktur pasaran dan perubahan akibat kemajuan bioteknologi (Shamsudin et al., 2010; Bernama, 2021; Bernama, 2022). Perubahan-perubahan yang berlaku ini secara langsung memberikan implikasi tertentu

kepada setiap usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh agensi-agensi pertanian dalam memastikan kemajuan sektor pertanian negara semakin berkembang.

Menurut Mahmudul Alam et al. (2018), dalam kajian yang dijalankan di Terengganu mengenai cabaran sektor pertanian dalam projek Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER), menyatakan bahawa sektor pertanian di negeri Terengganu telah berhadapan dengan isu-isu dan pelbagai cabaran. Antaranya adalah tumpuan kerajaan terhadap ekonomi di pantai timur, termasuk di negeri Terengganu adalah sedikit kebelakang disebabkan oleh geoekonomi dan bentuk muka bumi di negeri tersebut. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa program yang direncanakan oleh kerajaan di bawah pemantauan agensi pertanian di negeri Terengganu menghadapi rintangan dan cabaran terutamanya apabila transformasi sesuatu kawasan tidak mendapat sambutan dari penduduk setempat mahupun dari petani.

Pemilihan lokasi kajian di negeri Terengganu dibuat kerana kajian-kajian mendapati transformasi sektor pertanian di negeri Terengganu agak perlahan. Ini kerana, data-data berkaitan menunjukkan tiada peningkatan pertumbuhan yang berterusan dalam sektor pertanian di negeri ini. Analisis yang didapati dalam tempoh 2017 hingga 2023 menunjukkan bahawa sektor pertanian di negeri Terengganu mengalami fasa tidak konsisten terhadap kenaikan dan penurunan. Pada tahun 2017, sektor ini merekodkan pertumbuhan tertinggi sebelum mengalami penurunan yang ketara pada 2018. Pemulihan sederhana berlaku pada tahun 2019 (+1.95%). Data turut mendapati pada tahun 2017, sektor pertanian di Terengganu mengalami pertumbuhan sebanyak 11.2%, kemudian mengalami penurunan pada tahun berikutnya 2018 (-2.5%). Pada tahun 2019 sektor ini mengalami kenaikan sehingga 6.0%. tahun berikutnya 2020 penurunan sehingga -3.4%, 2021 (-5.3%) dan pada tahun 2022 (-4.7%) namun demikian, pada tahun berikutnya, sektor ini meningkat dengan ketara menjadi 7.4% pada tahun 2023. Ini menunjukkan bahawa, sektor pertanian di Terengganu menghadapi kenaikan dan penurunan yang tidak konsisten dari tahun ke tahun (Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPENT), 2024). Perkara ini digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu 2017-2023



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu.

Selain itu, belum ada satu kajian yang memfokuskan kepada pembinaan model transformasi di negeri tersebut. Sekiranya tiada perubahan yang dilakukan, kemungkinan agensi-agensi akan berperanan seperti biasa, yang akan membawa kepada kegagalan pencapaian dan hasrat mengubah sektor pertanian. Justeru, kajian ini ingin meneliti peranan agensi dalam usaha-usaha perancangan dan pelaksanaan untuk memajukan sektor pertanian di negeri Terengganu. Hal ini akan menjadi kerugian apabila usaha-usaha yang dilakukan menjadi tidak berkesan. Isu-isu yang membataskan keberkesanan pelaksanaan oleh agensi perlu dikenalpasti. Ini adalah bagi memastikan sektor pertanian dapat dikembangkan dan mencapai objektif Dasar Agro makanan Negara.

Kajian Lepas

Secara umumnya, di Malaysia telah wujud pelbagai agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam membantu ke arah kemajuan sektor pertanian yang berperanan dan mempunyai fungsi yang tersendiri. Agensi-agensi tersebut berpaung di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia di peringkat persekutuan. Sejak sekian lama, terdapat gesaan terhadap agensi yang terlibat supaya melakukan transformasi dan lebih fokus dalam menghasilkan produk pertanian yang berdaya saing (Rozai, 2007). Gesaan ini dilihat sebagai satu langkah yang baik bagi memastikan sektor pertanian dapat diurus oleh agensi dengan lebih cemerlang. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berperanan sebagai salah sebuah agensi penentu dasar dan strategi makro dalam sektor pertanian yang berkaitan dengan komoditi makanan. Selain itu, agensi ini juga menentukan pembangunan yang mampan bagi sektor pertanian, ternakan dan perikanan dalam usaha meningkatkan taraf sosio ekonomi petani, penternak dan nelayan (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, 2024).

Kajian mengenai transformasi komuniti petani dilakukan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), di mana ianya merangkumi negeri Terengganu. Kajian Hassan et al. (2013) mendapati bahawa peranan dan pemahaman komuniti petani terhadap peluang program yang ditawarkan di bawah inisiatif NCER semakin berkembang. Seramai 383 orang daripada pelbagai lapisan masyarakat di kawasan NCER yang dipilih sebagai responden dalam kajian yang menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Hasil kajian mendapati, 72.6 % responden bersetuju bahawa tiada perubahan berlaku di tempat kerja mereka selepas NCER dilancarkan lima tahun lalu. Malah, 93.9 % responden berkata mereka ragu-ragu bahawa program NCER akan meningkatkan kehidupan petani. Manakala dalam aspek kefahaman tentang perancangan NCER pula menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 92.0% faham tujuan NCER dalam menjadikan kawasan MADA sebagai zon pengeluaran makanan moden negara. Seramai 91.5% responden menyatakan wujud kerenah birokrasi yang tinggi dalam pelaksanaan NCER. Ini menunjukkan bahawa tindakan-tindakan yang sistematik, terancang dan bersungguh-sungguh perlulah dilaksanakan bagi membangunkan masyarakat yang terlibat dalam kawasan NCER.

Selain itu, dalam usaha kerajaan Malaysia dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara serta menjadikan pertanian sebagai perniagaan, program pertanian kontrak telah diwujudkan di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang membantu usahawan dan petani memasarkan hasil tani mereka. Program Pertanian Kontrak ini dijadikan sebagai sebuah program berimpak tinggi yang diyakini mampu membantu melonjakkan pengkomersialan pertanian berskala kecil (Buang & Suryandari, 2011). Langkah ini memperlihatkan bahawa Malaysia benar-benar mengambil berat dalam memastikan kemajuan petani kecil dengan membuka pelbagai ruang dan peluang yang ada bagi memudahkan langkah-langkah kemajuan buat mereka.

Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu juga merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan pada tahun 1957 bertujuan mengemaskinikan urusan dan pemajuan penanaman nanas negara (Lembaga

Perindustrian Nanas Malaysia, 2019). Selain nanas, bagi tanaman kelapa sawit juga mempunyai agensi yang bertanggungjawab menguruskan tanaman itu sendiri iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). MPOB berperanan sebagai badan utama yang menyokong pembangunan industri kelapa sawit negara. Fungsi utamanya adalah memastikan industri ini berkembang dengan lebih pesat di dan memberi manfaat kepada negara dengan cara meningkatkan penyelidikan kualiti minyak sawit. Agensi ini bergandingan dengan sebuah agensi lain, iaitu FELDA yang mengusahakan kawasan tanaman sawit berskala besar.

Walaupun terdapat banyak agensi yang terlibat dalam sektor pertanian, namun kajian ini memberi tumpuan kepada agensi yang terlibat dalam urusan pertanian di negeri Terengganu. Di Terengganu, terdapat agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian Terengganu (JPNT) yang menerima peruntukan dari kerajaan (persekutuan). Selain itu, agensi lain yang diwujudkan dalam usaha membantu memaju dan memodenkan para petani ialah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (KENAF), Bahagian Industri Padi dan Beras, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan banyak lagi.

Kajian terdahulu banyak menumpukan kepada peranan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak yang dianggap menjadi penentu kepada kejayaan sesebuah industri pertanian. Kajian Azima et al. (2013) yang melibatkan penduduk tempatan dalam kawasan pembangunan pertanian di daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Penyelidikan memberi tumpuan kepada keterlibatan kedua-dua belah pemegang taruh iaitu para petani dan agensi yang memberi bantuan. Kajian tersebut melibatkan seramai 60 orang responden yang merangkumi golongan petani serta wakil daripada agensi yang berkaitan. Dapatan kajian membuktikan bahawa motivasi penglibatan petani dalam aktiviti pertanian seperti berikut; sokongan daripada agensi seperti mengadakan kursus-kursus, khidmat nasihat, pemberian bantuan baja, penyediaan modal sokongan serta perkongsian hasil penyelidikan. Kajian turut membuktikan bahawa tahap pendidikan yang rendah merupakan faktor keterlibatan petani juga menjadi rendah. Dari kajian ini membuktikan bahawa adalah penting bagi pihak agensi bertindak secara lebih proaktif dalam mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman petani di kawasan kajian.

Kajian ini turut membuktikan bahawa disebabkan oleh latar belakang pendidikan petani yang agak rendah, maka sebarang usaha mentransformasikan bidang pertanian perlu mengambilkira aspek ini. Masih terdapat para petani dan pengusaha pertanian yang kurang mempercayai aspek penyelidikan dan kajian saintifik dalam memajukan bidang pertanian. Sebagai contoh, masih terdapat kalangan petani generasi lama yang mempunyai fikiran yang khurafat dan mempercayai semangat tanah. Keadaan ini menyebabkan kesukaran di pihak agensi untuk melaksanakan pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi kepada kumpulan petani.

Manakala kajian Haliza Abdul Rahman (2018) melibatkan keberkesanan program pertanian bandar yang mendapat sokongan dari pihak Kementerian Pertanian melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan. Ianya merupakan program bertujuan membantu penduduk di bandar dalam usaha mengurangkan perbelanjaan dengan menanam sendiri sebahagian sayur-sayuran untuk keperluan harian. Program ini dilaksanakan dengan sokongan dan bimbingan daripada Jabatan Pertanian yang melibatkan penyertaan penduduk yang menetap di kawasan bandar serta luar bandar. Sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2014 sehingga 2018, penyertaan dalam kalangan penduduk menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Seramai 63,130 penduduk dari kawasan bandar dan pinggir bandar

telah terlibat dalam pelaksanaan program ini dan merangkumi sebanyak 2,715 lokasi di seluruh negara. Dalam analisis yang dilakukan terhadap program tersebut, didapati beberapa faktor perlu diambil kira dalam menambahkan keberkesannya, termasuklah ruang penggunaan tanah yang terhad. Justeru, dalam meningkatkan keberkesanan pertanian. Khususnya pertanian di kawasan bandar, beberapa faktor perlu dititikberatkan antaranya keperluan perundangan terhadap isu guna tanah, lokasi, jenis tanaman serta sikap dan pemikiran penduduk bandar. Oleh yang demikian, situasi ini perlulah penglibatan agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit tersebut.

Kajian terdahulu yang telah dilaksanakan sebelum ini membuktikan bahawa terdapat pelbagai faktor dan punca yang dikenalpasti yang mana ianya memberi gambaran dalam sektor pertanian di negara ini. Sebagai contoh, satu kajian telah dilakukan di negeri Terengganu oleh Muhammad Yasar et al. (2016). Kajian ini bertujuan menilai kemampunan kawasan sawah padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Program tersebut adalah salah satu daripada lapan kawasan jelapang yang ditetapkan di bawah Dasar Pertanian Negara untuk tanaman padi berganda melalui pengenalan variasi hasil tinggi, kemudahan pengairan intensif dan penggunaan amalan pertanian moden.

Kawasan ini sejak sekian lama merupakan kawasan jelapang padi kepada negeri Terengganu. Ianya meliputi daerah Besut dan Setiu. Daerah Besut mempunyai kawasan berkeluasan 122,831 hektar, dan daerah Setiu mempunyai keluasan 139,905 hektar. Saiz keseluruhan kawasan ini ialah 258,736 hektar, merangkumi 58,000 hektar untuk pertanian dan 12,000 hektar untuk padi. Pada tahun 2013, jumlah kawasan padi di kawasan ini adalah 9752 hektar, melibatkan hampir 2700 petani. Namun, secara perbandingan hasil padi per hektar, penanaman padi di kawasan ini masih tidak dapat menandingi pengeluaran hasil padi di kawasan Sekinchan, Selangor. Kawasan Sekinchan merupakan penanda aras kepada ukuran produktiviti hasil padi per hektar. Justeru, dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa walaupun tumpuan dan bantuan diberikan oleh agensi kerajaan yang terlibat tetapi terdapat beberapa faktor yang perlu diberi perhatian antaranya kemampuan petani dalam tranformasi teknologi serta taraf pendidikan petani di kawasan tersebut yang masih mempercayai dan menggunakan kaedah konvensional. Sejauh ini, walaupun terdapat pelbagai usaha dan bantuan telah diberikan, namun tidak jelas hala tuju yang ingin dihasilkan oleh agensi terbabit melalui usaha sedemikian. Misalnya, latihan berkala kepada petani dalam penggunaan baja dan racun, serta penggunaan benih padi yang bermutu tinggi dan tahan cuaca dan perosak tidak dilakukan secara konsisten. Ada kalangan petani yang dibiarkan menentukan sendiri berkaitan perkara sedemikian yang menyebabkan berlakunya pertumbuhan yang tidak sekata dan tanaman tidak berkualiti.

Kajian di Melaka menunjukkan keputusan yang hampir sama. Kajian yang dibuat oleh Muhammad Hafizi dan Siti Sarah (2019) melihat perkembangan pembangunan sektor pertanian dalam era 1957-1980. Objektif kajian ini adalah menilai sejauh mana keberkesanan program pertanian yang telah dijalankan menggunakan beberapa sumber. Data-data diambil Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka, dan Perpustakaan Universiti Malaya serta Jabatan Ketua Menteri Melaka. Dapatan kajian mendapati bahawa pembangunan pertanian di Melaka berjaya dilakukan dengan pelbagai cabaran yang dihadapi. Taraf hidup petani di luar bandar menghadapi peningkatan yang ketara sejak pelaksanaan pembangunan pertanian dijalankan.

Satu lagi kajian keberkesanan polisi pertanian dijalankan Mohamad Saleh & Rajuddin, (2018). Dalam kajiannya, beliau meninjau usaha-usaha agensi pertanian dalam meningkatkan sumber pendapatan penduduk kampung di daerah Segamat, Johor. Usaha-usaha tersebut antaranya melibatkan keberkesanan penggunaan teknologi baru dalam pertanian, pengurusan kewangan dalam kalangan petani dan peladang, usaha-usaha berkaitan pemasaran serta latihan atau kursus yang pernah disertai

para petani. Dapatan kajian menunjukkan program yang dijalankan berada di tahap keberkesanan yang rendah, manakala pengurusan kewangan dan penggunaan teknologi berada di sederhana. Hasil kajian mencadangkan supaya menggunakan kaedah bioteknologi untuk memudahkan usahawan dan petani dalam membantu industri pertanian yang diusahakan mereka. Hasil dapatan kajian dapat digunakan untuk kajian-kajian seterusnya dan membantu menyelesaikan kekangan dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan dan petani khususnya yang sedang giat menjalankan aktiviti pertanian.

Win Alfiandi dan Alyonner (2013) pula menilai amalan dan aktiviti Program Pengembangan Pertanian oleh Jabatan Pertanian Kedah. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan temubual bersemuka dan perbincangan dengan pakar-pakar berkaitan program-program pengembangan pertanian. Daripada hasil temuduga dan perbincangan tersebut sembilan faktor dalaman dan sembilan faktor luaran telah dikenalpasti. Seterusnya, berdasarkan temubual tersebut analisis SWOT dilakukan. Analisis itu mendapati program tersebut memiliki skor faktor strategik kekuatan dan peluang yang lebih tinggi berbanding skor faktor strategik kelemahan dan ancaman. Dapatan dan analisis kajian ini mendapati aktiviti Program Pengembangan Pertanian mempunyai potensi yang tinggi bagi meningkatkan produktiviti pertanian khususnya di Kedah. Menggunakan Matriks TOWS pula, adalah dicadangkan bahawa aktiviti Program Pengembangan Pertanian secara bersepadu mampu meningkat hasil pertanian di negeri tersebut.

Kajian ini diharap dapat memberi impak kepada agensi yang mengurus sektor pertanian dan dapat menutup kelemahan yang dialami selama ini. Kajian dari agensi pertanian juga diharap dapat memperlihatkan tentang peranan dan tanggungjawab yang perlu diambil oleh agensi-agensi terutama kerajaan dalam memastikan sektor ekonomi negara ini mencapai matlamat yang telah ditetapkan kerajaan. Agensi pertanian juga perlu menjadi penggalak kepada pembangunan ekonomi negara dengan memastikan industri pertanian memberi kesan kepada perdagangan global kerana ia terikat dengan sektor ekonomi lain, penyokong penciptaan pekerjaan serta merencanakan pertumbuhan ekonomi negara (Norsida Man, 2022; Norsida Man, 2024).

TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN

Kajian yang dijalankan oleh Boettiger et al. (2017) memperincikan tentang enam dimensi utama dalam peranan pembangunan dan transformasi sesebuah agensi pertanian yang berkesan, terutamanya dalam konteks negara sedang membangun. Penulisan mereka dijadikan sebagai sandaran utama dalam kajian ini disebabkan wujudnya banyak persamaan apabila dibandingkan kepada kajian-kajian di peringkat tempatan, termasuk kajian yang melibatkan pertanian di negeri Terengganu. Boettiger et. al (2017) dalam kajian mereka merumuskan terdapat enam dimensi utama dalam pengembangan peranan dan transformasi agensi pertanian, iaitu i) strategi dan komunikasi, ii) pemasaran, iii) agen perubahan, iv) penentuan skala, v) perubahan mindset, dan vi) polisi yang fleksibel. Transformasi yang dijalankan berdasarkan dimensi ini, sekiranya berjaya dilakukan oleh agensi tersebut mampu membawa pelbagai perubahan, antaranya meningkatkan pendapatan petani dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Strategi komunikasi dan sistem penyampaian, di mana peranan agensi penting dalam menyediakan satu sistem komunikasi dan penyampaian yang jelas dan mudah untuk difahami kepada petani. Dalam isu ini, masih terdapat beberapa bentuk penyampaian yang kurang berkesan dan boleh dikatakan mengganggu operasi utama pertanian, termasuk sistem penyampaian (*delivery system*). Sebagai contoh, pemberian benih padi ataupun pemberian baja padi yang dikaitkan dengan ideologi politik tertentu tidak seharusnya berlaku kerana jelas ianya akan mengganggu sistem itu, yang menyebabkan keyakinan

petani kepada peranan agensi yang seharusnya bersifat neutral tidak berjaya diwujudkan. Hal ini seterusnya mewujudkan gangguan kepada perkara lain termasuk komunikasi yang kurang lancar antara agensi dan para pengusaha atau petani.

Fokus pemasaran perlu jelas kerana ianya akan membantu petani dalam memberikan fokus kepada pengeluaran. Apabila petani tidak meyakini pemasaran produk mereka, maka akan berlaku pelbagai keadaan yang kurang lancar, contohnya penjualan produk di pasaran yang tidak dilesenkan oleh pihak berautoriti. Petani perlu diyakinkan bahawa ada pihak yang cekap dan boleh diyakini untuk memasarkan produk mereka.

Agensi perlu bertindak selaku agen perubahan yang boleh diyakini oleh para petani. Hal ini banyak kali berlaku dalam situasi pertanian di negara kita, termasuk di negeri Terengganu apabila pihak agensi menawarkan penanaman jenis tanaman yang tidak dibuat kajian secara lengkap dan menyeluruh, termasuklah aspek ketahanan penyakit, kesesuaian benih dan ketahanan cuaca malah harga produk tersebut di pasaran. Sebagai contoh, pengenalan projek tanaman limau di beberapa daerah di hulu Terengganu pada suatu ketika tidak memberikan hasil yang baik kepada petani apabila petani tidak dididik terlebih dahulu dengan sistem penggredan dan kualiti produk yang tidak mencapai kualiti eksport.

Selain itu, terdapat juga factor lain yang perlu diambil kira apabila kita ingin melaksanakan transformasi sesebuah agensi pertanian iaitu penentuan skala, pendekatan pragmatik dan perubahan mindset, serta polisi yang fleksibel. Penentuan skala melibatkan bukan sahaja sebuah agensi, kerana aspek ini akan melibatkan pengiraan sebanyak mana keperluan sesebuah produk tanaman bukan sahaja di peringkat setempat malahan sehingga ke peringkat antarabangsa. Keadaan ketidaktentuan skala ini terjadi kepada tanaman tembakau di negeri Kelantan dan Terengganu, menyebabkan ianya kehilangan pasaran antarabangsa akibat kegagalan bersaing dengan pengeluar produk sama dari negara lain.

Menurut Boettiger et. al (2017), perubahan mindset dan pengenalan polisi yang fleksibel dalam mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti kerja bagi kedua-dua pihak, iaitu pengusaha, petani dan pihak agensi adalah suatu factor yang kritikal. Sebarang kelemahan di pihak agensi, misalnya terlalu ghairah untuk memperkenalkan teknologi baru tanpa mengambil kira kesediaan di pihak petani akan menyebabkan penolakan terhadap teknologi tersebut.

KESIMPULAN

Pengkaji telah mendapatkan data dari informan yang mana terdiri dari para petani dan wakil agensi. Setelah ditemubual, pengkaji mengklasifikasikan maklumat ke dalam 6 dimensi utama menurut Bottinger et al. (2017) iaitu, strategi komunikasi dan sistem penyampaian, fokus pemasaran, agen perubahan, penentuan skala, pendekatan pragmatik dan perubahan mindset dan polisi yang fleksibel.

Dari sudut komunikasi dalam konteks kajian ini, dimensi komunikasi merujuk kepada komunikasi antara pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang pertanian dengan para petani yang menjalankan aktiviti pertanian di Terengganu. Komunikasi yang sepatutnya terlibat dalam kajian ini adalah dari segi penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat, pendapat atau idea dengan tulisan, perbualan atau imej visual atau mana-mana kombinasi ketiga-tiga unsur tersebut supaya bahan yang disampaikan menerusi kaedah komunikasi dapat difahami dengan jelas oleh penerima dari agensi kepada para petani. Data yang telah dikumpulkan menunjukkan terdapat jurang komunikasi antara badan yang terlibat

dengan responden. Tiada perkongsian maklumat yang disampaikan dari pihak atas ke bawah. Dapat dilihat di sini bahawa, kekurangan sumber maklumat boleh menjadi salah satu punca kelemahan dalam sektor pertanian di Terengganu.

Selain itu, soalan yang dikemukakan oleh pengkaji dari segi fokus pemasaran menunjukkan bahawa agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan hasil penanaman sedia ada tidak begitu memuaskan para petani. Antara agensi yang terlibat secara langsung dengan para petani adalah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). FAMA merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan bertanggungjawab memasarkan produk agro makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan serta produk-produk industri asas tani. Akan tetapi, FAMA tidak memberi perhatian kepada pasaran yang lebih luas dan besar. Oleh yang demikian, untuk memasarkan produk pertanian dengan lebih meluas, mereka perlu mencari jalan sendiri untuk memasarkan terutamanya bagi tanaman fertigasi.

Bagi dimensi agen perubahan, agensi perlu memainkan peranan sebagai agen perubahan namun apabila ditembual, mereka hanya menyatakan bahawa agensi hanya memainkan peranan pada peringkat awal sahaja, selepas itu mereka perlu mencari sendiri maklumat untuk meneruskan aktiviti pertanian yang telah dijalankan. Dapat disimpulkan bahawa peranan agensi sebagai agen perubahan adalah tidak ada. Agensi tidak memainkan peranan sebagai agen perubahan yang membawa petani-petani untuk meningkatkan hasil tani dan berinovasi dengan proses tanaman.

Kesimpulannya, bagi memastikan sektor pertanian dapat dipertingkatkan dengan lebih baik, perlu ada kerjasama dari kedua pihak sama ada dari agensi dan petani. Petani juga perlu bergerak bagi mendapatkan maklumat dari agensi dan memberi juga maklumat atau sebarang kekurangan yang perlu dipenuhi oleh pihak agensi. Ini kerana, petani yang sering berada di lapangan, oleh yang demikian segala kekurangan atau keperluan dapat mereka tahu secara lebih spesifik bagi mempertingkatkan lagi peranan agensi pertanian. Namun demikian, pihak agensi juga perlulah memainkan peranan yang sewajarnya ini kerana hubungan antara petani dan agensi adalah saling memerlukan bagi mencapai matlamat sektor pertanian negara khususnya di negeri Terengganu.

RUJUKAN

- Amriah Buang & Ratnawati Yuni Suryandari. (2011). Dasar wawasan negara dan prospek pembangunan petani kecil melayu. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 7(2), 55-64.
- Bernama. (2021, 28 November). Lebih ramai usahawan tani muda diperlukan. *Harian Metro Online*. <http://www.hmetro.com.my/agro/2021/11/782424/lebih-ramai-usahawan-tani-muda-diperlukan>
- Bernama. (2022, 14 Jun). Perkukuh sektor pertanian, percepatkan transformasi struktur. *Harian Metro Online*. <http://www.hmetro.com.my/agro/2022/06/851784/perkukuh-sektor-pertanian-percepatkan-transformasi-struktur>
- Boettiger, S., Denis, N., & Sanghvi, S. (2017). *Successful agricultural transformations: Six core elements of planning and delivery*. McKinsey & Company.
- Buang, A., & Suryandari, R. Y. (2011). Pertanian kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu: Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan di Zon Utara, Semenanjung Malaysia terhadap prestasi program Pertanian Kontrak FAMA. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), 11–22. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/17893>
- ERA Consumer Malaysia. (2003). *Kajian jaminan makanan: Kajian 24 kampung di Malaysia*.

- Haliza Abdul Rahman. (2018). *Amalan dan kepentingan pertanian bandar di Malaysia*. Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM) Ke-7, 28–29 Julai 2018, Lombok, Indonesia.
- Hassan, H., Ahmad, R., & Bahari, A. (2013). *Estet padi: Peranan dan peluang dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)*. Universiti Malaysia Perlis. https://www.researchgate.net/publication/260555273_Eстет_Padi_Peranan_dan_Peluang_dalam_Wilayah_Ekonomi_Koridor_Utara_NCER.pdf
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. (2019). *Latar belakang MARDI*. www.mardi.gov.my
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Keluaran dalam negeri kasar mengikut negeri, 2021*. <https://www.dosm.gov.my/index.php/portal-main/downloads-log?id=3257>
- Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. (2009). *Taman kekal pengeluaran makanan*. <http://www.terengganu.gov.my>
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. (2022). *Laman web rasmi JUPEM*. <https://www.jupem.gov.my/peta-laman/info-semasa/berita-terkini/57>
- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. (2025). *Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025–2030 (PSKPKM)*. <https://www.kpkm.gov.my/images/08-petak-informasi/penerbitan/Pelan-Strategik-KPKM.pdf>
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah. (2019). *Latar belakang KETENGAH*. www.ketengah.gov.my
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. (2019). *Latar belakang KENAF*. www.lktn.gov.my
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia. (2019). *Latar belakang MPOB*. www.mpob.gov.my
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. (2019). *Latar belakang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia*. www.mtib.gov.my
- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. (2019). *Sejarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia*. www.mpib.gov.my
- Mahmudul Alam, M., Morshed, G., Siwar, C., & Murad, M. W. (2018). *Initiatives and challenges of agricultural crop sector in ECER development projects in Malaysia*. Institute for Environment and Development (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/265785435>
- Mini Walek. (2016). *Kajian transformasi pertanian Negeri Terengganu dalam RMK 1 hingga RMK ke 5* [Kajian yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Saleh, D. M., & Rajuddin, M. R. (2018). *Tahap keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan oleh penduduk Kampung Segamat, Johor bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka melalui bidang pertanian*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Hafizi & Siti Sarah. (2019). Perkembangan pembangunan sektor pertanian di Melaka 1957–1980. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 28(2), 99–119. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/21049>
- Muhammad Yasar, Siwar Chamhuri & Radin Firdaus. (2016). *Assessing paddy farming sustainability in the Northern Terengganu integrated agricultural development area*. ResearchGate: http://www.researchgate.net/publication/304747357_Assessing_paddy_farming_sustainability_in_the_Northern_Terengganu_Integrated_Agricultural_Development_Area_IADA_KETARA_A_structural_equation_modelling_approach
- Norsida Man. (2024, 19 Mac). Perkasa peranan agensi pertanian demi kelangsungan hidup rakyat. *Berita Harian*. <http://www.bharian.com.my/kolumnis/2024/03/1225387/perkasa-peranan-agensi-pertanian-de-mi-kelangsungan-hidup-rakyat>
- Norsida Man. (2022, 12 Ogos). Gabungan kerjasama pelbagai pihak kukuh jaminan sekuriti makanan. *Berita Harian*. <http://bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/987483/gabungan-kerjasama-pelbagai-pihak-kukuh-jaminan-sekuriti-makanan>

- Rozai. (2007). Transformasi sektor pertanian di bawah kepimpinan Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin. *Majalah Peladang*, 14. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). <https://www.lpp.gov.my/document/upload/qReOvBneGxpVOXu1DbfmRk48NmbVRIUp.pdf>
- Shamsudin, M. N., Mohamed, Z., & Selamat, J. (2010). *Isu dan cabaran pembangunan sektor pertanian dalam ekonomi moden*. Dalam Prosiding Seminar Ekonomi Malaysia Ke-5 (PERKEM V) (hlm. 51–62). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Soerjono Soekanto. (1984). *Suatu tinjauan sosiologi hukum terhadap masalah-masalah sosial*. Bandung: Alumni.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu. (2024, Februari 24). *Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu (PSPT) 2024–2030: Terengganu janjikan transformasi besar*. TRDI. <https://www.trdi.my/pspt-20242030-terengganu-janjikan-transformasi-besar>
- Win Alfiandi & Alyonner. (2013). *Penilaian perlaksanaan program pengembangan. Kajian kes di Jabatan Pertanian Negeri Kedah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.